

07/05/2001

Stesen KL Sentral minta maklum balas

KUALA LUMPUR, Ahad - Stesen Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) mahu pelanggannya memberi maklum balas mengenai pelbagai kemudahan disediakan, supaya dapat mengenal pasti kelemahan dan memperbaikinya dari semasa ke semasa.

Presiden Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, berkata maklum balas orang ramai penting supaya pihaknya dapat membaiki sebarang kekurangan dan kelemahan.

"KL Sentral dibuka untuk memberi kemudahan kepada pengguna pengangkutan awam di samping memenuhi keperluan dan cita rasa mereka.

"Kita buat apa yang terbaik untuk mereka. Seperti yang saya katakan dulu, tidak ada masalah sejak KL Sentral mula beroperasi, tetapi ini bukan bermakna ruang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan tidak ada," katanya di sini, hari ini.

Abdul Rahman berkata, dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, pihaknya sudah menyediakan kemudahan seperti papan tanda dan kedai walaupun tidak beroperasi sepenuhnya.

"Ketika ini kita sedang membuat penilaian dan penyesuaian stesen mengikut kehendak pengguna selain memberi perkhidmatan bermutu kepada mereka," katanya.

Ditanya bagaimana pihaknya menangani rungutan pengguna mengenai kekurangan premis makanan, beliau berkata, pihaknya mengakui kebanyakan premis perniagaan belum beroperasi sepenuhnya walaupun fasa pertama merangkumi 27 kedai dan gerai sudah habis ditempah.

Beliau memberi jaminan perkara itu akan diatasi tidak lama lagi.

KL Sentral dijangka akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jun depan.

(END)